



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pelajar UMSKAL antara mangsa dua kes 'Macau Scam' di Labuan Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Date: 2 December 2019

Section: Tempatan

Page: 1

Pelajar UMSKAL antara mangsa dua kes 'Macau Scam' di Labuan

Oleh Henry Bating

LABUAN: Pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menjadi satu dari dua mangsa 'Macau Scam' yang dilaporkan kepada polis di sini bulan ini.

Ketua Polis Daerah WP Labuan Supt Mohamad Farid Ahmad berkata dalam kes pertama yang membabitkan pelajar perempuan berusia 22 tahun, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang yang menyamar sebagai pegawai polis.

"Kita memandang serius penularan kes scam yang berlaku dalam kalangan masyarakat W. P Labuan akhir-akhir ini," katanya kepada media semalam.

Modus operandi kes pertama, suspek membuat panggilan telefon kepada pelajar mengatakan terdapat talian telefon didaftarkan atas nama mangsa yang didapati merupakan talian aktiviti perjudian haram serta perubahan wang haram.

Suspek seterusnya memberitahu mangsa sekiranya tidak mahu diambil tindakan pihak

berkuasa, mangsa dikehendaki membayar sejumlah wang bagi mengelakkan mangsa diambil tindakan.

Bimbang dengan keadaan itu, mangsa terperdaya dan seterusnya memasukkan wang pindahan transaksi ke dalam empat akaun secara berperingkat melalui mesin ATM CIMB di Ujana Kewangan melibatkan jumlah RM43,470.

Dalam kes kedua, mangsa lelaki berusia 21 tahun ditipu dengan pinjaman yang tidak wujud sehingga mengalami kerugian sebanyak RM12,740.

Wang tersebut dimasukkan

ke dalam suatu akaun kononnya sebagai proses untuk mendapatkan pinjaman mangsa sebanyak RM30,000.

Kes pertama dilaporkan berlaku 7 Disember manakala kes kedua pada 2 Disember lalu.

Kedua-dua mangsa merasa ditipu lalu membuat laporan polis untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan pihak polis sedang mengesan nombor yang digunakan suspek serta pemilik akaun bank yang terlibat dalam kes ini," kata Farid.

Farid menasihatkan masyarakat agar berwaspada dengan sindiket Macau Scam supaya tidak terperdaya dengan tipu helah sindiket.

Katanya, modus operandi sindiket memperdayakan mangsa ialah dengan menyamar sebagai pegawai bank, pegawai mahkamah, pegawai polis dan lain-lain lagi. Manakala, nombor telefon yang digunakan memang dari agensi berkaitan.

Sebagai langkah pencegahan, pihak polis mengingatkan masyarakat supaya berhati-hati apabila menerima

panggilan dari mana-mana pihak yang mengaku mewakili mana-mana agensi dengan meminta untuk membuat bayaran.

"Masyarakat perlulah membuat laporan polis sekiranya menerima panggilan dari pihak meragukan yang berkemungkinan adalah sindiket," katanya.

Sebarang panggilan berkaitan nombor akaun boleh dirujuk terlebih dahulu melalui talian hotline Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen W. P Labuan di talian 087-412575.